# Graduate Attributes: What and Why

Mohd Salleh Abu
Centre for Teaching & Learning (CTL)
Universiti Teknologi Malaysia

November 2006

---

## GRADUATE ATTRIBUTES

**Graduate attributes are the institutionally nurtured personal qualities that reflect one's mastery of generic skills in life.**

## MONASH CORE GRADUATE ATTRIBUTES

- **Written and oral communication**
- **Capacity for inquiry and research**
- **Critical thought and analysis**
- **Problem solving**
- **Teamwork**
- **Numeracy**
- **Effective use of information technology**

## 'THE BUILDING BLOCKS OF PERSONAL AND PROFESSIONAL SUCCESS' – Griffith University






Dilancarkan secara rasmi oleh YB Menteri Pengajian Tinggi Malaysia pada 22 Ogos 2006 di Universiti Putra Malaysia, Serdang

## KI YANG PERLU DIKUASAI OLEH PELAJAR IPTA

- Kemahiran Berkomunikasi
- Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah
- Kemahiran Kerja Berpasukan
- Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat
- Kemahiran Keusahawanan
- Etika dan Moral Profesional
- Kemahiran Kepimpinan

## KEMAHIRAN BERKOMUNIKASI

| Kod KI | Status | Keterangan |
|---|---|---|
| CS1 | KIM | Kebolehan menyampaikan idea dengan jelas, berkesan dan dengan penuh keyakinan, secara lisan dan bertulis. |
| CS2 | KIM | Kebolehan mengamalkan kemahiran mendengar yang aktif dan memberi maklum balas. |
| CS3 | KIM | Kebolehan membuat pembentangan secara jelas dengan penuh keyakinan dan bersesuaian dengan tahap pendengar. |
| CS4 | | Kebolehan menggunakan teknologi dalam pembentangan. |
| CS5 | | Kebolehan berunding dan mencapai persetujuan. |
| CS6 | | Kebolehan berkomunikasi dengan peserta komunikasi yang mempunyai budaya berlainan. |
| CS7 | | Kebolehan mengembangkan kemahiran komunikasi perseorangan. |
| CS8 | | Kebolehan menggunakan kemahiran bukan lisan. |

## PEMIKIRAN KRITIS DAN KEMAHIRAN MENYELESAIKAN MASALAH

| Kod KI | Status | Keterangan |
|---|---|---|
| CTPS1 | KIM | Kebolehan mengenal pasti dan menganalisis masalah dalam situasi kompleks dan kabur, serta membuat penilaian yang berjustifikasi. |
| CTPS2 | KIM | Kebolehan mengembang dan membaiki kemahiran berfikir seperti menjelaskan, menganalisis dan menilai perbincangan. |
| CTPS3 | KIM | Kebolehan mencari idea dan mencari penyelesaian alternatif. |
| CTPS4 | | Kebolehan berfikir melangkaui batas. |
| CTPS5 | | Kebolehan membuat keputusan yang berdasarkan bukti yang kukuh. |
| CTPS6 | | Kebolehan untuk bertahan serta memberikan perhatian sepenuhnya terhadap tanggungjawab yang diberikan. |
| CTPS7 | | Kebolehan memahami dan menyesuaikan diri kepada budaya komuniti dan persekitaran kerja yang baharu. |

## KEMAHIRAN KERJA BERPASUKAN

| Kod KI | Status | Keterangan |
|---|---|---|
| TS1 | KIM | Kebolehan membina hubungan baik, berinteraksi dengan orang lain dan bekerja secara efektif bersama mereka untuk mencapai objektif yang sama. |
| TS2 | KIM | Kebolehan memahami dan mengambil peranan bersilih ganti antara ketua kumpulan dan ahli kumpulan. |
| TS3 | KIM | Kebolehan mengenali dan menghormati sikap, kelakuan, dan kepercayaan orang lain. |
| TS4 | | Kebolehan memberi sumbangan kepada perancangan dan menyelaraskan hasil usaha kumpulan. |
| TS5 | | Bertanggungjawab terhadap keputusan kumpulan. |

## PEMBELAJARAN BERTERUSAN DAN PENGURUSAN MAKLUMAT

| Kod KI | Status | Keterangan |
|---|---|---|
| LL1 | KIM | Kebolehan mencari dan mengurus maklumat yang relevan daripada pelbagai sumber. |
| LL2 | KIM | Kebolehan menerima idea baharu dan berkeupayaan untuk pembelajaran autonomi. |
| LL3 | | Kebolehan mengembangkan minda ingin tahu dan dahagakan ilmu. |

## KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN

| Kod KI | Status | Keterangan |
|---|---|---|
| KK1 | KIM | Kebolehan mengenal pasti peluang perniagaan. |
| KK2 | | Kebolehan merangka perancangan perniagaan. |
| KK3 | | Kebolehan membina, meneroka dan merebut peluang perniagaan dan pekerjaan. |
| KK4 | | Kebolehan untuk bekerja sendiri. |

## ETIKA DAN MORAL PROFESIONAL

| Kod KI | Status | Keterangan |
|---|---|---|
| EM1 | KIM | Kebolehan memahami kesan ekonomi, alam sekitar dan sosio-budaya dalam amalan profesional. |
| EM2 | KIM | Kebolehan menganalisis dan membuat keputusan dalam penyelesaian masalah berkaitan etika. |
| EM3 | | Kebolehan mengamalkan sikap beretika, di samping mempunyai rasa tanggungjawab terhadap masyarakat. |

## PROGRAM PEMBANGUNAN KI DI KALANGAN PELAJAR

# BEBERAPA TINDAKAN SUSULAN YANG PERLU DIAMBIL OLEH IPTA

## TINDAKAN SUSULAN YANG PERLU DIAMBIL OLEH IPTA

| Bil. | Tindakan | Keterangan |
|---|---|---|
| 1 | Perakuan YB Menteri Pengajian Tinggi Mengenai Program Pembangunan KI Di Kalangan Pelajar IPTA | YB Menteri Pengajian Tinggi telah memperakukan perkara berikut:<br>• Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) menerima dan mengunapakai *Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) Untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia* sebagai dokumen rasmi berkaitan program ini.<br>• IPTA perlu melaksanakan program pembangunan KI di kalangan pelajar masing-masing berasaskan garis panduan yang dinyatakan dalam dokumen rasmi di atas.<br>• IPTA dibenarkan menggunakan budibicara masing-masing untuk mengubahsuai program pembangunan KI di kalangan pelajar di institusi mereka dengan syarat ianya memenuhi garis panduan yang dinyatakan dalam dokumen rasmi di atas. |

## TINDAKAN SUSULAN YANG PERLU DIAMBIL OLEH IPTA

| Bil. | Tindakan | Keterangan |
|---|---|---|
| 2 | Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) untuk staf akademik dan staf sokongan | • IPTA mesti memastikan setiap staf akademik dan staf sokongan diberi latihan yang mencukupi dan berterusan untuk merancang dan melaksanakan P&P secara berkesan dalam mencapai hasil pembelajaran yang dikenalpasti (meliputi kemahiran teknikal dan KI).<br>• Kursus CPD di atas perlu diiktiraf dan diambil kira sebagai sebahagian dan/atau diberi pengiktirafan dalam Penilaian Tahap Kecekapan. |

## TINDAKAN SUSULAN YANG PERLU DIAMBIL OLEH IPTA (samb)

| Bil. | Tindakan | Keterangan |
|---|---|---|
| 3 | Rekabentuk dan Pembangunan Kurikulum Program Akademik | IPTA mesti memastikan supaya setiap program akademik yang ditawarkan adalah:<br>• Mematuhi standard dan keperluan seperti yang digariskan dalam *Malaysian Qualification Framework (MQF).*<br>• Direkabentuk dan dibangunkan berorentasikan pembelajaran berasaskan hasil (*outcome-based learning).*<br>• Menggunakan pelbagai kaedah P&P yang sesuai untuk mencapai hasil pembelajaran yang diingini.<br>• Menggunakan pelbagai kaedah P&P yang menggalakkan amalan pembelajaran aktif di kalangan pelajar (cth: PBL).<br>• Setiap hasil pembelajaran mestilah diukur dan dinilai menggunakan kaedah penilaian pembelajaran yang sesuai. |

## TINDAKAN SUSULAN YANG PERLU DIAMBIL OLEH IPTA (samb)

| Bil. | Tindakan | Keterangan |
|---|---|---|
| 4 | **Penyediaan Keperluan Infrastruktur dan Infostruktur** | **IPTA mesti:**<br>• **Menyediakan keperluan infrastruktur dan infostruktur yang diperlukan (ruang bilik kuliah, makmal, studio, peralatan, dll) yang mencukupi untuk membolehkan P&P dilaksanakan secara berkesan serta mencapai hasil pembelajaran yang diingini.**<br>• **Menyediakan persekitaran P&P yang kondusif serta menggalakkan amalan pelbagai pendekatan pembelajaran aktif yang berpusatkan pelajar *(active student-centered learning).***<br>• **Menyediakan keperluan infrastruktur dan infostruktur yang mencukupi serta persekitaran pembelajaran yang kondusif melibatkan tempat/kawasan di luar fakulti (misalnya di kafeteria, ruang legar, ruang rehat, dsb).**<br>• **Menyediakan lebih banyak perpustakaan dan/atau pusat sumber bukan berpusat *(decentralised)* yang dilengkapi dengan infrastruktur, peralatan dan kemudahan ICT yang sesuai.**<br>• **Menyediakan infrastruktur dan kemudahan yang kondusif dan menyokong aktiviti ko-kurikulum dan ekstra-kokurikulum di kalangan pelajar.** |

## TINDAKAN SUSULAN YANG PERLU DIAMBIL OLEH IPTA (samb)

| Bil. | Tindakan | Keterangan |
|---|---|---|
| 5 | Hubungan Universiti-Industri | IPTA mesti:<br>• Merancang dan melaksanakan program dialog secara bersama dengan industri dalam merancang program pembangunan modal insan *(human capital)* secara holistik yang menekankan kepada pembangunan ilmu pengetahuan, kemahiran dan modal intelektual.<br>• Merancang dan melaksanakan pelbagai program bersama kementerian kerajaan yang berkaitan serta wakil masyarakat dengan tujuan mendapatkan input dan cadangan yang berguna dalam memastikan kerelevanan program akademik yang ditawarkan mengikut keperluan negara. |

## TINDAKAN SUSULAN YANG PERLU DIAMBIL OLEH IPTA (samb)

| Bil. | Tindakan | Keterangan |
|---|---|---|
| 6 | Perkongsian Pintar Sesama IPTA | IPTA mesti:<br>• Merancang dan melaksanakan usaha sama dalam membangunkan program pembangunan KI di kalangan pelajar IPTA.<br>• Membentuk sub-kumpulan mengikut zon lokasi untuk memudahkan perancangan dan perincian perlaksanaan program perkongsian pembangunan KI tersebut. Lima buah IPTA yang dikenalpasti untuk mengetuai dan menyelaras usaha sama berkenaan adalah seperti berikut: |

| Zon | IPTA Penyelaras |
|---|---|
| Selatan | UTM |
| Tengah | UPM |
| Utara | UPSI |
| Timur | KUKTEM |
| Sabah & Sarawak | UiTM |

## TINDAKAN SUSULAN YANG PERLU DIAMBIL OLEH IPTA (samb)

| Bil. | Tindakan | Keterangan |
|---|---|---|
| 7 | Tindakan Jangka Pendek Segera | IPTA mesti mengambil tindakan jangka pendek segera berikut:<br>• Merancang dan melaksanakan program *'finishing school'* bagi pelajar mereka yang telah bergraduan tetapi masih belum bekerja. Antara aspek yang mesti diberi tumpuan dalam program ini ialah mempertingkatkan keupayaan berkomunikasi graduan dalam Bahasa Inggeris.<br>• Merancang dan melaksanakan program pembangunan KI kritikal di kalangan pelajar yang akan bergraduan dalam masa terdekat bagi tujuan membantu mereka mendapat pekerjaan selepas menamatkan pengajian. Antara aspek KI yang perlu diberi tumpuan ialah kemahiran berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris, penampilan diri dan kemahiran mencari dan meneroka peluang pekerjaan.<br>• Merancang dan mengemukakan permohonan kepada KPTM mengenai keperluan kewangan, infrastruktur dan sumber manusia untuk menjalankan program pembangunan KI di kalangan pelajar di institusi masing-masing |

## TINDAKAN SUSULAN YANG PERLU DIAMBIL OLEH IPTA (samb)

| Bil. | Tindakan | Keterangan |
|---|---|---|
| 8 | Pemantauan dan Laporan Penilaian KI | IPTA mesti:<br>• Merancang dan melaksanakan aktiviti pemantauan dan penilaian secara berterusan ke atas program Pembangunan KI Di Kalangan Pelajar di IPTA masing-masing.<br>• Menyediakan laporan lengkap mengenai program Pembangunan KI Di Kalangan Pelajar di IPTA masing-masing. Laporan ini perlu dibuat mengikut kekerapan, format dan keperluan seperti ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM).<br>• Di peringkat kebangsaan, pemantauan akan dibuat oleh sebuah majlis bertindak khas yang ditubuhkan oleh KPTM. Majlis bertindak ini di pengerusikan oleh YB Menteri Pengajian Tinggi. |